

Sejarah CBN

- 1899 - Sekumpulan mubaligh wanita, 'The Sisters of the Holy Infant Jesus' iaitu Mother St. Andre, Sr. St. Sabine dan Sr. Madeleine, tiba dari Singapura bertujuan memulakan sebuah sekolah untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan di sebuah tapak di Jalan Ampang yang terletak di hadapan Sekolah Convent Bukit Nanas sekarang. Sekolah itu bermula dengan bilangan murid seramai 7 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan.
- 1901 - Sekolah berpindah ke Brickfields. Bilangan pelajar bertambah menjadi 80 orang.
- 1907 - Rev. Mother St. Augustine menjadi Guru Besar.
- 1909 - Kelas. Cambridge pertama mengambil peperiksaan Junior Cambridge.
- 1911 - Walaupun sistem pelajaran berjalan dengain licin, sekolah baru ini menghadapi masalah banjir. Oleh itu sekolah perlu dipindahkan ke Bukit Nanas iaitu di mana sebuah bangunan baru berbentuk English Gothic yang dibina dibawah pengawasan dua orang Akitok Kerajaan, Mr. Huxley dan Mr. Kesteven. Pada tahun 1911, Convent Bukit Nanas ini telah dibuka oleh Mr. E.L. Brockman, Chief Secretary of FMS. Rev. Mother St. Augustine yang menjadi Guru Besar pada tahun itu meninggal dunia dan Rev. Mother Tarcissius mengambilalih tugas Guru Besar.
- 1914 - Dewan dan "chapel" dibina.
- 1920 - Beberapa bilik darjah dengan asrama diatasnya dibina.
- 1923 - Rev. Mother St Adele menjadi Guru Besar.
- 1924 - Blok Tingkatan 3 dibina.
- 1941 - Peperangan Dunia Kedua. Malaya jatuh ke tangan jepun. Walaupun pelajaran di Convent Bukit Nanas terganggu, bangunan CBN selamat.
- 1945 - Pentadbiran Jepun tamat. Rev. Mother St. Adele mengembalikan keadaan asal CBN dengan Kerjasama Pentadbiran Tentera British (BMA).
- 1947 - Bangunan "Nazareth" iaitu rumah "Chief Justice" diperolehi dari kerajaan.
- 1951 - Rev. Mother St. Pauline menjadi Guru Besar. Beliau memperkenalkan kelas Pendidikan Jasmani dan murid-murid dibenarkan memakai "bloomers" pada masa Pendidikan Jasmani.
- 1953 - Kelas-kelas Sains dimulakan.
- 1957 - Rev. Mother St. Xavier menjadi Guru Besar. Blok Senilukis, dewan dan Bilik Makmal di bina. Pada tahun 1957 dengan tercapainya kemerdekaan, Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia kini) yang menjadi bahasa rasmi, telah dijadikan mata pelajaran wajib. Di samping itu, mata pelajaran perdagangan juga diperkenalkan.
- 1958 - Maktab Perguruan ditubuhkan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dipisahkan menjadi dua buah sekolah.
- 1961 - Kelas-kelas Tingkatan Enam dimulakan.
- 1963 - Pembinaan Blok Tingkatan Empat.

- 1965 - Rev. Mother St. Aidan menjadi Pengetua. Empat Rumah Permainan ditubuhkan dengan menggunakan nama-nama Guru Besar iaitu Rumah Aidan (Merah), Rumah Pauline (Biru), Rumah Xavier (Hijau) dan Rumah Adele (Kuning).
- 1966-Rev.Mother Brede menjadi Pengetua.
- 1968 - Suasana persekolahan di Convent Bukit Nanas bertukar corak. Walaupun penekanan dalam bidang akademik masih diteruskan, murid-murid digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang permainan dan lain-lain aktiviti ko-kurikulum seperti unit-unit beruniform dan persatuan-persatuan serta kelab yang pelbagai.
- 1973 - Persatuan Ibu Bapa Guru ditubuhkan.
- 1975 - Program Rancangan Khas (Yayasan Selangor) dimulakan.
- 1976 - Puan Chee Phui Lay menjadi Pengetua. Program Kauseling dan Bimbingan telah dimulakan oleh Sr. Anne di Bilik 42. Semua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia di Tingkatan Satu.
- 1979 - Puan Indrani Manuel menjadi Pengetua. Pejabat sekolah dipindah berdekatan bahagian Sekolah Menengah. Perpustakaan Menengah Atas dan Perpustakaan Menengah Rendah disatukan menjadi Perpustakaan CBN.
- 1982 - Semua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia dari Tingkatan Satu ke Tingkatan Enam.
- 1984 - Kelab Komputer dimulakan dengan bantuan PIBG. Konsep Pusat Sumber diberi tekanan. "Façade" sekolah dicatkan untuk menyambut Ulangtahun Ke-85.
- 1986 - Kantin sekolah dibesarkan
- 1988 - Sekolah keseluruhan dicatkan. Lagu sekolah dicipta dan dinyanyikan kali pertama pada Malam Sumbangan Bakti
- 1989 - Perayaan Ulangtahun Ke-90
- 1991 - Pink Dormitory diubahsuaikan menjadi 3 buah bilik darjah
- 1992 - Pusat Kegiatan Guru ditubuhkan
- 1993 - Bengkel Kemahiran Hidup diperluaskan
- Dewan Kolej diubahsuaikan untuk menempatkan Bilik Alat-Alat Pendidikan Jasmani dan Bilik Perabot
 - Bilik Mesyuarat diubahsuai
 - Gelanggang tenis diperbaiki
 - Persaraan Pengetua - Puan Indrani Manuel
 - Pn Vimala Mathews menjadi Pengetua
- 1994 - Peralatan sistem siar raya di Dewan Sekolah dipertingkatkan
- Bumbung penjalan kaki ke Blok Tingkatan 4 dibina
- 1995 - Bilik Rehat Pelajar Tingkatan Enam diubahsuai
- Bilik Gimnasium disediakan
 - Air Terjun Mini dibina
 - Alat Pendingin udara dipasang di Pusat Sumber
- 1996 - 'Green House' dan rumah hidroponik dibina
- 1997 - Mengubahsuai bilik gimnasium mini
- Mengubahsuai bilik untuk guru
- 1999 - Pancaragam Sekolah ditubuhkan

- Sebuah bilik diubahsuaikan untuk dijadikan Makmal Komputer Bestari
 - Perayaan Ulangtahun ke-100
 - Persaraan Pengetua, Pn Vimala Matthews
 - Pn. Alice George menjadi Pengetua
- 2000 - Mengubahsuai bilik untuk guru
- Blok diatas Dewan Kolej diubahsuai
- 2002 - Bilik Bahasa Melayu ditubuhkan
- 2003 - Bilik Matematik ditubuhkan
- 2004 - Persaraan Pengetua, Pn Alice George
- Pn. Ann Khoo menjadi Pengetua
 - Bilik Kecemerlangan Guru ditubuhkan

Pengetua Sekolah Menengah

Rev. Mother Francis Xavier	1958-1965
Rev. Mother Aidan	1965-1966
Rev. Mother Brede	1966-1976
Puan Chee Phui Lay	1976-1979
Puan Indrani Manuel	1979-1993
Puan Vimala Matthews	1993-1999
Puan Alice George	1999-2004
Puan Ann Khoo	2004-

SIMPLE DANS MA VERTU
FORTE DANS ON DEVOIR

SIMPLE IN VIRTUE
STEADFAST IN DUTY

TULUS DENGAN FADILAH
AZAM DENGAN BAKTI

Guru Besar Convent Bukit Nanas

Rev. Mother Andre	1899-1907
Rev. Mother Augustine	1907-1911
Rev. Mother Tarcissius	1911-1923
Rev. Mother Adele	1923-1951
Rev. Mother Pauline	1951-1957
Rev. Mother Francis Xavier	1957-1958